

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG BAKTI KE 6  
Lokasi : RUMAH MALAYSIA  
Tarikh : 08-06-1983

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Saadiah Sardon, Tetamu Kehormat BAKTI;

Yang Amat Berbahagia Tun Rahah,

Yang Amat Berbahagia Datin Maria Musa, Naib Yang Di Pertua BAKTI;

Yang Amat Berbahagia Toh Puan-Toh Puan, Yang Bahagia Puan Seri-Puan Seri, Datin-Datin, Puan-puan dan Tuan-tuan.

Assalamu 'alaikum dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan taufik dan hidayahNya, kita dapat berkumpul pada petang ini dalam suasana yang aman untuk menunaikan tugas kita sebagai ahli BAKTI di majlis perasmian Mesyuarat Agung BAKTI Ke 6.

2. Bagi pihak Jawatankuasa Tadbir BAKTI dan semua Ahli-ahli BAKTI, saya mengalu-alukan dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada para hadirin kerana sudi hadir. BAKTI amat berbangga atas penghormatan yang diberikan oleh Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Saadiah kepada BAKTI kerana kesudiannya menerima undangan BAKTI untuk merasmikan Mesyuarat Agung Ke 6 ini dan juga memberi pesanan kepada kita sebentar lagi.

3. Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Saadiah adalah pemimpin wanita yang terkenal di dalam dan di luar negeri kerana khidmat-baktinya kepada St. John's Ambulans, Cheshire Homes, Pandu Puteri, Majlis Kebajikan Kanak-Kanak dan W.I. Sebagai seorang isteri yang melalui beberapa perubahan dalam hidup beliau -- sebagai isteri Menteri, isteri Duta Malaysia dan isteri Yang Di Pertua Negeri -- tentu sekali banyak pengalaman terhimpun kepada diri beliau. Pada ketika ini, Toh Puan Datuk sedang membangunkan semula Pan Pacific-SEA Women's Association, Malaysian Chapter dan beliau adalah Presidennya. Di samping itu Toh Puan masih juga berkecimpung dengan Cheshire Homes, bukan sahaja di Selangor atau Malaysia, bahkan seluruh Asia Tenggara dan Pasifik. Oleh yang demikian BAKTI amat berasa bangga atas kehadiran Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Puan-puan yang dihormati,

4. Saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen yang baru dilantik dalam rombongan Jemaah Menteri Kerajaan Malaysia baru-baru ini dan juga kepada isteri mereka kerana dengan perlantikan mereka, BAKTI akan menerima Ahli-ahli baru yang saya alu-alukan.

5. BAKTI sekarang berumur 6 tahun, dan sebagai anak kecil berumur 6 tahun, BAKTI mencari ramai rakan-rakan supaya bermesra, senang bermain dan senang sama-sama berbakti. Oleh itu, BAKTI telah memperluaskan keahliannya. Sekarang ini keahlian kepada isteri Setiausaha Parlimen secara jemputan, dan keahlian Bersekutu kepada bekas Ahli-ahli BAKTI selepas 1977 dan kepada isteri Jemaah Menteri dan Timbalan mereka sebelum 1977 dengan secara permohonan sukarela dari mereka.

6. Syukur alhamdulillah, setakat ini, ramai isteri-isteri telah memohon sebagai Ahli Bersekutu. Bagi pihak jawatankuasa Tadbir, saya ucapkan selamat datang dan terima kasih atas kerelaan puan-puan menyertai BAKTI semula. Saya yakin dengan adanya puan-puan bersama, kegiatan dan projek amal BAKTI akan bertambah giat untuk faedah kita bersama.

Puan-puan yang dihormati.

7. Pada tahun lalu, bawah anjuran Yang Amat Berbahagia Datin Maria Musa, Naib Yang Di Pertua merangkap Pengerusi Projek Amal BAKTI 1982, BAKTI telah berjaya mengumpulkan sebanyak \$1.179 juta dari Malam Amal & Pertunjukkan Fesyen. Tujuan Malam Amal itu ialah untuk membantu kebajikan orang-orang tua dan usaha-usaha yang boleh mengurangkan penderitaan pesakit-pesakit yang teruk supaya mereka dapat hidup selesa dan mudah-mudahan bertambah umur mereka. Ini adalah secukup dengan peristiharan tahun 1982 sebagai tahun bagi Orang Tua, yang bertema "Melanjutkan Usia" oleh Badan Kesihatan Sedunia.

8. Ahli-ahli BAKTI sebulat suara bersetuju menyumbangkan sebahagian dari hasil kutipan itu kepada: 1. Majlis Pusat Kebajikan Malaya, Cawangan Melaka sebanyak \$10,000/- untuk Projek Rumah Orang-orang Tua di Paya Ikan Bukit Baru, Melaka, bagi 120 orang tua agar mereka dapat hidup dengan lebih selesa lagi.

9. Membekalkan 13 hospital Kerajaan, setiap buah hospital dengan 10 unit Pacemaker wire dan 2 Pacemaker Generator supaya pesakit-pesakit jantung dapat dirawat dalam kecemasan. Ini berharga \$110,000/-.

10. Membantu dalam pembinaan Yunit Satelit Hemodialisis di 6 hospital Kerajaan, berjumlah \$400,500/- supaya pesakit-pesakit buah pinggang yang memerlukan penyucian darah mereka tidak paya dihantar ke Hospital Besar Kuala Lumpur, dari Negeri-negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

11. Memandangkan Negara Malaysia mungkin akan menubuhkan sebuah Yayasan Jantung (Heart Foundation), BAKTI bersetuju menyediakan \$500,000/- sebagai Geran Pelancaran kepada Yayasan ini, dengan syarat Yayasan Jantung ini adalah Yayasan Jantung Nasional yang dikelolakan dan ditadbirkan oleh ahli-ahli profesional dan orang-orang yang tertentu.

Para hadirin yang dihormati,

12. Selain daripada yang telah saya sebutkan tadi, tabung BAKTI telah juga mengeluarkan sumbangan wang sebanyak \$140,000/- untuk kebajikan pesakit-pesakit jantung, orang-orang cacat anggota, rawatan ubat dan membantu persatuan-persatuan dan institusi-institusi yang benar-benar memerlukan bantuan demi kepentingan orang-orang yang kurang bernasib baik atau yang akan mendatangkan faedah kepada ramai. Butir-butir yang teliti telah pun di catit dalam Laporan Tahunan BAKTI.

13. Tugas BAKTI bukan sahaja untuk mengutip derma dari orang ramai setiap tahun. Pada tahun 1983 ini, BAKTI tidak menganjurkan Projek Amal. Namun demikian, saya ingin mengucapkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada para dermawan yang budiman yang amat bermurah hati menderma kepada Projek Malam Amal BAKTI 1982 dan juga kepada rakan-rakan BAKTI yang menderma kepada Tabung Kebajikan BAKTI sepanjang tahun. Insya-Allah, BAKTI akan menganjurkan Projek BAKTI pada tahun 1984.

Para hadirin yang dihormati.

14. Ucapan saya tidak akan lengkap jika saya tidak ucapkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli BAKTI yang suami mereka telah bersara. BAKTI tidak akan lupa jasa-baik dan usaha gigih dua bekas Ahli Jawatankuasa Tadbirnya yang bersara: iaitu, Yang Berbahagia Datin Bahariah, bekas Setiausaha Kehormat, dan Yang Berbahagia Datin Diane Lee, bekas Bendahari Kehormat. Kedua-dua ahli ini tidak pernah menolak tanggungjawab dan sentiasa cekap, bersih dan beramanah semasa menjalankan tugas-tugas mereka dalam BAKTI. BAKTI amat berdukacita atas persaraan mereka tetapi berharap dengan sungguh-sungguh bahawa Datin Bahariah dan Datin Diane Lee akan menyertai BAKTI juga dan menyumbangkan pengalaman mereka sebagai Ahli Bersekutu. Kami berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan mencucuri rahmat bahagia serta kesejahteraan kepada semua Ahli-ahli BAKTI yang baru sahaja bersara.

15. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang membantu menyediakan Majlis Perasmian dan Mesyuarat Agung BAKTI ini, khasnya kepada Yang Amat Berbahagia Datin Maria dan juga kepada Yang Berbahagia Datin Naimah, Pemangku Setiausaha BAKTI, yang mengambil alih tugas-tugas Setiausaha tanpa mengira kewajipannya sebagai Isteri dan Ibu untuk menyediakan Mesyuarat Agung ini. Kepada beliau, yang sepatutnya berada di luar negeri mengikuti suaminya Yang Berbahagia Datuk Sulaiman, saya ucapkan berbilang terima kasih.

16. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Saadiah Sardon atas kesudian beliau berucap dan merasmikan Mesyuarat Agung BAKTI, Ke 6 sebentar lagi.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.